

BN boleh berkongsi kuasa di Kelantan

KUALA LUMPUR 5 Mac — Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan Barisan Nasional (BN) berkongsi kuasa dengan pihak pembangkang untuk memerintah Kelantan selepas pilihanraya umum akan datang.

“Kita tak tamak (kuasa), dulupun kita dengan Berjasa (berkongsi kuasa), kita bentuk kerajaan di Kelantan, tak ada masalah,” kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas merasmikan Konvensyen Raksa MIC di sini hari ini.

Ditanya adakah BN akan berkongsi kuasa dengan Pas, Dr. Mahathir berkata: “Jika perlu (boleh), ini bukan kali pertama (kongsi kuasa) dengan Pas, dulu pun ada juga. Tetapi jika boleh janganlah dengan Pas, dia ekstrim sangat sampai orang buat salah-pun dia sokong.”

Dalam perkembangan yang sama, Perdana Menteri turut diminta mengulas kenyataan Presiden Parti Melayu Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah yang menyebut Parlimen akan dibubarkan pada akhir bulan ini.

Dr. Mahathir berkata: “Boleh juga diadakan akhir bulan Mac (pembubaran Parlimen), kalau dia (Tengku Razaleigh) tau dia boleh buat pilihanrayalah.”

Sementara itu, dalam perkembangan lain beliau berkata, kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk mengemaskini dan memperketatkan kawalan pemeriksaan imigresen di pintu-pintu masuk negara.

Bagaimanapun, katanya, masalah sentiasa wujud dalam pemeriksaan imigresen pada masa-masa tertentu.

Baru-baru ini seorang budak lelaki rakyat Britain, Peter Collins Kerry, 14, telah berjaya melepasi pemeriksaan imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang (LTAB) dengan menggunakan pasport bapanya.